

IKLAN JAWATAN KOSONG



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** berstatus **Bumiputera** (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**.

A. JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	KERANI (KOKURIKULUM)	N19	PEMBANTU TADBIR (PENGERANIAN & OPERASI)	RM 1,352.00	RM 4,003.00
2.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM	RM 1,205.00	RM 2,939.00

JAWATAN PENTADBIRAN					
KUMPULAN PELAKSANA					

KERANI GRED N19 Bidang : Kokurikulum

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

DAN

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.

- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84 sm ukuran dada semasa menarik nafas (lelaki sahaja).
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapanV6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian **(sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- 3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

BIDANG KEUTAMAAN : Kokurikulum

PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau
 - (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan pada Gred KP11: RM1,205.00).

Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84 sm ukuran dada semasa menarik nafas (lelaki sahaja).
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapanV6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2) Calon bagi lantikan bagi Perkara 1) (2) (i) hendaklah memiliki Kepujian **(sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERINGATAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan Awam di UiTM Cawangan Terengganu dan mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu.
2. Pemohon yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan akan disenaraihitam dan boleh diambil tindakan undang-undang.
3. Had umur pemohon bagi lantikan terus hendaklah **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
4. Had umur calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan Badan Berkanun adalah tidak melebihi 50 tahun. Manakala had umur calon yang memohon bagi kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL), adalah tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN.**
6. Pilih kelayakan akademik yang sesuai dengan jawatan yang diiklankan sama ada SPM/SVM, PT3/PMR/ KPSL. Kelayakan ini akan menentukan jawatan-jawatan yang anda layak memohon.
7. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN DOKUMEN** berikut yang telah **DISAHKAN TERKINI**:
 - **Salinan Kad Pengenalan**
 - **Salinan Sijil Berhenti Sekolah**
 - **Salinan Sijil PT3/PMR (mengikut syarat kelayakan jawatan)**
 - **Salinan Sijil SPM/SVM atau setaraf (mengikut syarat kelayakan jawatan)**
 - **Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji**

Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.

**DAN SEKIRANYA BERJAYA KE SESI TEMU DUGA, PEMOHON PERLU
MENYEDIAKAN:**

- **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan / Badan Berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat)**
 - **Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun berturut-turut (penjawat awam)**
8. Borang / dokumen yang **tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.**
9. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan serta melepasi tapisan yang ditetapkan akan dipanggil temuduga.
10. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak Universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a) Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk **SATU** jawatan yang diiklankan sahaja.
- b) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Pentadbiran (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2006) (Jawatan Pentadbiran)** yang boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu di <https://terengganu.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=197>
- c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **14 Julai 2022 (Khamis)**
- d) **Sila kemukakan borang permohonan dan salinan dokumen (PDF) melalui pautan berikut : <https://forms.gle/9yqrpVhE35xhBTcBA>**
- e) Sebarang pertanyaan berkaitan iklan boleh hubungi:

Bil.	Kategori Permohonan	Emel	No. Telefon
1.	Jawatan Pentadbiran	bpuitmct@uitm.edu.my	09-8400 117 (telefon & whatsapp business)

Bil. Rujukan : 500-UiTMKD (PT.19/2)
 Bil. Iklan : 4/2022
 Tarikh : 30 Jun 2022

Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.